

KERTAS

1

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

9.1 Latar Belakang Dasar Luar

- 1 Sebelum Kesultanan Melayu Melaka, kerajaan-kerajaan awal yang berikut telah menjalin hubungan dengan China.

- P'an-p'an
- Langkasuka
- Chih-t'u

Bagaimanakah kerajaan-kerajaan tersebut menjalin hubungan dengan China?

(BUKU TEKS m.s. 194)

- A Menghantar ufti
B Menghantar utusan
C Melalui lawatan rasmi
D Menerusi hubungan keagamaan

- 2 Kesultanan Melayu Melaka menjalin hubungan dengan kerajaan-kerajaan luar pada abad ke-15 dan ke-16.

Apakah bentuk hubungan yang terjalin?

(BUKU TEKS m.s. 194)

- I Diplomati
II Ketenteraan
III Kebudayaan
IV Perdagangan
A I dan I C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 3 Rajah berikut menunjukkan hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan luar pada abad ke-15.

(BUKU TEKS m.s. 195)



Apakah kepentingan hubungan tersebut kepada Kesultanan Melayu Melaka?

- I Kedaulatan diiktiraf
II Keselamatan terjamin
III Wilayah jajahan meluas
IV Aktiviti perdagangan tersekat

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 4 Selepas kemerdekaan, negara kita menggubal dasar luar untuk kepentingan negara. Apakah bentuk dasar luar yang diamalkan semasa era pemerintahan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj?

(BUKU TEKS m.s. 195)

- I Protimur
II Probarat
III Antikomunis
IV Antidemokrasi
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

9.2 Asas Penggubalan Dasar Luar

- 5 Sejak kemerdekaan pada tahun 1957, penggubalan dasar luar negara kita telah dilaksanakan.

Apakah matlamat penggubalan dasar luar negara kita?

(BUKU TEKS m.s. 196)

- I Mengekalkan kedaulatan
II Melindungi kepentingan nasional
III Memelihara kelestarian alam sekitar
IV Menjaga kemakmuran negara serantau

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 6 Antara berikut, faktor manakah yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia?

(BUKU TEKS m.s. 197)

- I Persekitaran luar
II Kehendak rakyat
III Persaingan politik
IV Keperluan nasional
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 7 Malaysia menjalin hubungan dengan negara-negara yang berikut.

- Mesir
- Yaman
- Arab Saudi

Apakah faktor yang mempengaruhi hubungan Malaysia dengan negara-negara tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 197)

- A Keagamaan
B Kepimpinan
C Kebudayaan
D Kebajikan rakyat

9.3 Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

- 8 Sebagai negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia mendukung Piagam PBB. Apakah prinsip Piagam PBB?

(BUKU TEKS m.s. 198)

- I Melindungi hak asasi manusia
II Mengurus hal ehwal negara lain
III Membina semangat setia kawan
IV Menghormati kedaulatan negara lain

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 9 Malaysia terpilih sebagai anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB sebanyak empat kali. Apakah peranan Majlis Keselamatan PBB?

BUKU TEKS m.a. 119

- A Menjaga keamanan dunia
- B Melindungi golongan pelarian
- C Mewujudkan hubungan antarabangsa
- D Membantu negara-negara dunia ketiga

- 10 Jadual berikut menunjukkan misi pengaman anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang disertai Malaysia.

Misi Pengaman PBB	Tempoh
United Nations Operation in the Congo	1960 - 1964
United Nations Operation in Somalia II	1992 - 1995
United Nations Mission in Ethiopia and Eritrea	2000 - 2008

Apakah tugas pasukan pengaman tersebut? **BUKU TEKS** m.a. 200

- I Menjadi jurubahasa
 - II Memberikan latihan tentera
 - III Menjaga keselamatan penduduk
 - IV Mendaulkan undang-undang negara terlibat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 11 Malaysia terlibat dalam misi pegawai pemerhati di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di negara yang menghadapi konflik seperti berikut.

- Iraq
- Sierra Leone
- Bosnia dan Herzegovina

Apakah tugas Pegawai Pemerhati? **BUKU TEKS** m.a. 200

- I Mengawasi gencatan senjata
 - II Memberikan latihan teknikal
 - III Membantu pentadbiran dan pengurusan
 - IV Mendaulkan undang-undang negara yang terlibat
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

9.4 Malaysia dalam Komanwel

- 12 Maklumat berikut menunjukkan program yang dilaksanakan oleh pertubuhan Komanwel.

- Menangani masalah kemiskinan dalam kalangan anggota Komanwel
- Memberikan khidmat nasihat berkaitan dengan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan
- Memberikan bantuan dalam pelbagai bidang kepada negara anggota yang belum membangun

Apakah nama program tersebut? **BUKU TEKS** m.a. 200

- A Dasar Aparteid
- B Rancangan Colombo
- C Rancangan Komanwel
- D Dasar Pembangunan Komanwel

- 13 Melalui Komanwel, Malaysia telah menentang Dasar Apartheid yang diamalkan di Afrika Selatan. Mengapakah Malaysia menentang dasar tersebut?

BUKU TEKS m.a. 200

- A Memilknegarakan pelaburan asing
- B Membantah pemerintahan diktator

- C Menghapuskan sekatan perdagangan
- D Mempertahankan hak asasi penduduk asal

- 14 Malaysia menyuarakan pandangan dalam pelbagai isu menerusi Komanwel.

Apakah sumbangan Malaysia berhubung dengan isu Dasar Aparteid di Afrika Selatan?

BUKU TEKS m.a. 200

- A Membantah campur tangan asing
- B Mencadangkan pemerintah yang baru
- C Menggugurkan keahlian-nya dalam Komanwel
- D Mengesyorkan penglibatan tentera Komanwel

- 15 Malaysia pernah menjadi tuan rumah bagi aktiviti yang dianjurkan oleh Komanwel. Apakah aktiviti tersebut?

BUKU TEKS m.a. 200

- I Sukan Komanwel
 - II Rancangan Colombo
 - III Kebudayaan Komanwel
 - IV Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan Sukan Komanwel yang pernah berlangsung di negara kita.

Sukan	Sukan Komanwel
Tempat	Kuala Lumpur
Tahun	1998

Apakah tujuan Malaysia menganjurkan temasya sukan tersebut? **BUKU TEKS** m.a. 200

- A Mengukuhkan semangat perpaduan
- B Melambangkan kekuatan negara peserta
- C Mengeratkan hubungan antara negara anggota
- D Menunjukkan kecekapan mengendalikan sukan dunia

- 17 Malaysia menganggotai Komanwel setelah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Apakah faedah yang diperoleh Malaysia melalui pelibatan dalam Komanwel? (BUKU TEKS m.s. 109)

- I Identiti bangsa mantap
- II Ekonomi negara berkembang
- III Keselamatan negara terpelihara
- IV Perpaduan kaum bertambah erat
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9.5 Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar

- 18 Gambar berikut menunjukkan pertemuan Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia Kedua dengan pemimpin China, Zhou Enlai di China pada tahun 1974.



Apakah bentuk dasar luar yang diamalkan oleh Malaysia pada ketika itu? (BUKU TEKS m.s. 208)

- A Probarat
- B Berkecuali
- C Prokomunis
- D Antikomunis

- 19 Pada tahun 1976, Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia. Apakah isu yang dibincangkan dalam persidangan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 209)

- A Ancaman komunis
- B Hak asasi manusia
- C Pergolakan Indochina
- D Pembentukan Malaysia

- 20 Maklumat berikut merupakan perjanjian yang melibatkan Malaysia.

Tahun	1971
Perjanjian	Perjanjian Pertahanan Lima Negara (Five Power Defence Arrangements)
Negara terlibat	Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia.

Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap Malaysia? (BUKU TEKS m.s. 209)

- I Menerima bantuan teknikal
- II Mendapat kemudahan kredit
- III Memperoleh kadar cukai rendah
- IV Memperkukuh keselamatan negara
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

9.6 Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

- 21 MAPHILINDO merupakan gabungan Malaysia, Filipina dan Indonesia yang ditubuhkan pada tahun 1963. Apakah matlamat penubuhannya? (BUKU TEKS m.s. 210)

- A Meningkatkan persefahaman
- B Menghapuskan ancaman komunis
- C Memajukan kegiatan perdagangan
- D Membentuk pakatan tentera serantau

- 22 Jadual berikut berkaitan dengan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

Tahun	1971
Tempat	Kuala Lumpur
Peristiwa	Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN

Apakah keputusan yang dicapai dalam mesyuarat tersebut? (BUKU TEKS m.s. 110)

- A Pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC)
- B Pengisytiharan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
- C Pembinaan Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik (RECSAM)
- D Penubuhan gagasan Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO)

- 23 Apakah kepentingan ZOPFAN kepada negara anggota ASEAN? (BUKU TEKS m.s. 110)

- I Menjamin keamanan
- II Mengekalkan kestabilan politik
- III Meningkatkan kerjasama ekonomi
- IV Meningkatkan semangat setia kawan
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 24 Malaysia terlibat secara aktif mencari penyelesaian dalam konflik politik yang berlaku di Vietnam dan Kemboja. Apakah konflik di Vietnam dan Kemboja? (BUKU TEKS m.s. 210)

- I Pilihan raya
- II Isu pelarian
- III Ancaman komunis
- IV Penyalahgunaan dadah
- A I dan II C II dan II
- B I dan IV D III dan IV

- 25 Jadual berikut menunjukkan kerjasama negara anggota ASEAN dalam projek-projek perindustrian.

Negara anggota	Projek
Malaysia dan Indonesia	Baja urea
Filipina	Baja fosfat dan kuprum
X	Serbok soda

Apakah X? (BUKU TEKS m.s. 210)

- A Brunei C Thailand
- B Vietnam D Singapura

9.7 Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)

- 26 Pada tahun 2003, Malaysia menjadi tuan rumah Sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM). Apakah isu yang dibangkitkan oleh Malaysia dalam sidang kemuncak tersebut

(BUKU TEKS ms. 212)

- I Isu Palestin
- II Isu Rohingya
- III Dasar Berkecuali
- IV Dasar Aparteid
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 27 Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970. Perisytiharaan tersebut adalah berkaitan dengan

(BUKU TEKS ms. 213)

- A hak asasi manusia
- B kebebasan individu
- C bantuan kepada pelarian
- D pengharaman senjata nuklear

9.8 Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

- 28 Tunku Abdul Rahman telah mencetuskan idea pembentukan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada tahun 1971. Apakah matlamat pembentukan OIC?

(BUKU TEKS ms. 214)

- A Mengekalkan keamanan dunia
- B Menjaga kepentingan masyarakat Islam
- C Meningkatkan perhubungan sosiobudaya
- D Meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan

- 29 Apakah sumbangan Malaysia dalam bidang pendidikan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)?

(BUKU TEKS ms. 215)

- I Pertubuhan Sekolah Agama Islam Antarabangsa
- II Pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- III Pemberian biasiswa kepada pelajar dari negara Islam
- IV Pertubuhan Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 30 Apakah sumbangan Malaysia dalam konflik antara Iran-Iraq melalui OIC?

(BUKU TEKS ms. 216)

- A Menjadi perantara
- B Menjadi pemerhati
- C Memberikan bantuan tentera
- D Memberikan bantuan kewangan